

01 MAY 2001

Mahathir-Pekerja

SYARIKAT ASING DITEGUR KERANA MENINGGALKAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur kecenderungan sesetengah syarikat asing di sini memindahkan operasi mereka ke negara lain, yang dikatakan lebih rendah kosnya, sehingga mengakibatkan ribuan pekerja di negara ini hilang pekerjaan.

Perdana Menteri berkata ini adalah satu daripada kesan era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang perlu dihadapi secara bersama oleh kerajaan, majikan dan pekerja.

"Cabaran globalisasi ialah bila kita benarkan modal masuk, kita terpaksa benarkan modal ditarik keluar bermakna kehilangan pekerjaan," katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana kira-kira 14,000 pekerja tempatan baru-baru ini hilang pekerjaan apabila kilang mereka ditutup atas nama globalisasi.

Katanya secara umum ada syarikat yang memindahkan operasi mereka ke negara lain seperti Cina kerana kos yang dikatakan lebih rendah.

"Ini adalah masalah kepada kita kerana orang asing hanya lihat keuntungan mereka sahaja," katanya pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Negara di sini.

Dr Mahathir berkata satu lagi cabaran globalisasi ialah syarikat-syarikat asing termasuk daripada institusi perbankan kini melakukan penggabungan sesama mereka sehingga melahirkan syarikat gergasi sebagai persiapan untuk memasuki negara kurang maju secara besar-besaran.

Beliau berkata pada masa ini syarikat di Barat menerusi Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa mahu supaya status nasional diberikan kepada syarikat mereka yang mahu menembusi pelbagai sektor ekonomi di negara lain.

Dr Mahathir berkata di bawah kawalan asing, pekerja mungkin dibayar gaji yang lebih tinggi tetapi ia tidak menghalang syarikat berkenaan daripada memberhentikan pekerja mereka.

"Inilah tabiat sesetengah syarikat, masalah buang pekerja. Sekarang ini kita masih boleh tangani masalah ini tapi di masa depan, kita mungkin tak boleh lagi jaga kepentingan pekerja.

"Apa yang penting ialah kerajaan, majikan dan pekerja mesti bersatu kerana jika tidak, kita akan hilang kebebasan dan kemerdekaan kita," katanya.

Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya tidak tertipu dengan media asing yang kini penuh dengan propaganda tentang betapa baiknya globalisasi yang diolah oleh Barat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata globalisasi boleh dibentuk semula dengan cara yang boleh memberikan keuntungan dan kebaikan kepada negara.

Dr Mahathir turut memuji hubungan baik yang dijalin antara kerajaan dan pekerja, termasuk yang bernaung di bawah Cuepacs, dan sikap bertimbang rasa yang diambil mereka dalam menyuarakan tuntutan.

"Pekerja di Malaysia tidak militan. Mereka membuat tuntutan yang pada pendapat mereka wajar dan bila ia tak dapat dipenuhi kerajaan, mereka tak ambil langkah-langkah ganas," katanya.

Selain mahu pekerja tempatan memahami erti sebenar globalisasi, beliau juga meminta mereka melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan teknologi maklumat ke arah meningkatkan lagi produktiviti negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia membenarkan kakitangannya bersara awal jika mereka mahu menceburi bidang perniagaan yang ada kaitan dengan bidang teknologi maklumat dengan syarat mereka membuat persediaan

sewajarnya.

Katanya peningkatan produktiviti perlu bagi menjamin negara terus mantap sebagai sebuah negara perindustrian, berbeza daripada asal-usulnya sebagai negara yang bergantung kepada getah dan bijih timah.

Beliau berkata Malaysia dijangka mengeksport barangan bernilai RM380 bilion tahun ini dan 82 peratus daripadanya terdiri daripada barangan buatan.

Daripada peratusan itu, 52 peratus ialah produk elektronik, katanya.

Dr Mahathir yakin bahawa sektor awam dan swasta sedar tentang pentingnya pekerja masing-masing meningkatkan produktiviti bagi melihat hasrat menjadikan RM1,200 sebagai gaji minimum pekerja menjadi kenyataan.

Menjawab satu pertanyaan pada sesi soal jawab dengan para hadirin, Dr Mahathir berkata kerajaan akan berusaha menjaga masa depan pekerja tempatan lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan persetujuan perdagangan di bawah WTO dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 itu dianjurkan bersama oleh Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas itu, beliau berkata pekerja tempatan akan diberikan keutamaan berbanding pekerja asing dalam mencari pekerjaan sekiranya berlaku pemberhentian pekerja.

Beliau berkata pemberhentian pekerja adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan di sini berikutan kelembapan ekonomi yang dialami di Amerika Syarikat, satu daripada rakan perdagangan utama Malaysia.

"Kita perlu mencari pekerjaan lain untuk mereka dan kita akan memberi keutamaan kepada rakyat kita sendiri berbanding pekerja asing," katanya.

-- BERNAMA

MAM ES AKD